



## **Baki 23 jemaah terkandas di Arab Saudi dibawa pulang secara berperingkat**

Asrol Awang

November 8, 2022 @ 1:01pm

KUANTAN: Seramai 23 daripada 63 rakyat Malaysia termasuk kanak-kanak yang terkandas di Arab Saudi dalam proses untuk dibawa pulang secara berperingkat.

Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah berkata, semalam, empat rakyat negara ini yang terkandas di negara berkenaan selamat tiba selepas 36 orang iaitu kumpulan pertama tiba di negara ini pada 4 Oktober lalu.

Bagaimanapun, katanya, kepulangan secara berperingkat rakyat Malaysia itu bergantung kepada sumber dana yang diperoleh dalam urusan pembelian tiket.

"Di Kementerian Luar, kita tidak terbabit kerana bantuan dana lebih kepada usaha yang dilaksanakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Idris Ahmad.

"Ini soal kewangan dan pembelian tiket, jika sumber itu cepat, tiket boleh dibeli dan mereka akan dibawa pulang.

"Kami lebih kepada membantu dalam urusan dengan kerajaan Arab Saudi untuk membawa mereka pulang," katanya ketika ditemui media di sini, hari ini.

Semalam, Idris berkata proses membawa pulang baki jemaah Malaysia itu secara berperingkat dan pihaknya turut mendapatkan kerjasama baik dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk membantu pembiayaan kos penerbangan pulang mereka.

"Kita jangkakan semua baki kumpulan itu akan dibawa balik sebelum hujung tahun ini berdasarkan kekosongan penerbangan," kata Idris.

Berdasarkan kenyataan Wisma Putra pada 8 Oktober lalu, seramai 63 jemaah umrah itu terdiri daripada 28 dewasa dan 35 kanak-kanak terkandas di Arab Saudi sejak Jun lalu.

Semua jemaah sudah dibawa ke Madinah oleh kumpulan tarekat Naqsyabandiyah Al-Kholidiah untuk mengerjakan umrah pada Mac lalu.

Bagaimanapun mereka hanya berada di Madinah dan tidak pernah dibawa ke Makkah untuk menyempurnakan ibadah umrah.

Susulan pelanggaran undang-undang tempatan, ketua kumpulan tarekat berkenaan diusir keluar oleh Kerajaan Arab Saudi pada 20 Ogos lalu.

"Kita berharap pada masa depan kes seperti ini tidak berulang, Selama ini jemaah Malaysia mempunyai rekod yang amat baik sama ada jemaah haji atau umrah. Pada masa sama, kerajaan Arab Saudi selalu memuji pengurusan jemaah haji dan umrah dari Malaysia," katanya.